

1814MST 07 07 85

U B411 BAH

MAHATHIR - UMNO

1985

KUALA PILAH, 7 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BAHAWA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO MESTILAH MENOLAK OPORTUNIS-OPORTUNIS POLITIK YANG SEMAKIN RAMAI MUNCUL DALAM PARTI ITU.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA OPORTUNIS-OPORTUNIS ITU YANG MEREBut JAWATAN-JAWATAN DALAM PARTI SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN DIRI AKAN MEMBAWA KELEMAHAN KEPADA UMNO MELALUI AMALAN KEMPEN TIDAK SIHAT TERMASUK MENGGUNAKAN WANG UNTUK MEMENANGI SESUATU JAWATAN.

KATANYA +KITA TIDAK MAHU JAWATAN-JAWATAN YANG DIWUJUDKAN DALAM SUSUNAN ORGANISASI UMNO ADALAH SEMATA-MATA UNTUK MEMBERI TEMPAT KEPADA MEREKA UNTUK MENDAKI GUNUNG KEKAYAAN.+

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUALA PILAH.

BELIAU DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH. YANG TURUT HADIR IALAH Pengerusi PERHUBUNGAN UMNO NEGERI YANG JUGA MENTERI BESAR DATUK MOHAMAD ISA ABDUL SAMAD.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA PARTI ITU BAHAWA UMNO BERJAYA MENUNTUT KEMERDEKAAN DAN KEKAL MENJADI TULANG BELAKANG KERAJAAN KERANA KESEDARAN PARA ANGGOTA PARTI TERHADAP TANGGUNGJAWAB MEREKA KEPADA AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.--LAGI
1324MST 07 07 85

D369

B B429 BAH

MAHATHIR 2 KUALA PILAH

KATANYA, PADA KETIKA ITU, UNTUK Mencari PEMIMPIN, ORANG-ORANG YANG BERKEBOLEHAN TERPAKSA DIPUJUK MEMIKUL TANGGUNGJAWAB MEMIMPIN PARTI ITU.

KINI HASIL KEMERDEKAAN JAWATAN-JAWATAN PEMIMPIN DALAM PARTI MENJADI REBUTAN KERANA IA MEMBERI BANYAK NIKMAT KEPADA PEMEGANGNYA. PEMINPIN CAWANGAN PUN BANYAK NIKMAT SEPERTI MENDAPATKAN LESEN TEKSI SEKURANG-KURANGNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA OLEH KERANA MATLAMAT MEMEGANG JAWATAN DALAM PARTI BUKAN LAGI BERDASARKAN KEPADA KESEDARAN TERHADAP PRINSIP PERJUANGAN PARTI MAKA BERLAKULAH AMALAN-AMALAN TIDAK SIHAT DALAM REBUTAN JAWATAN-JAWATAN DALAM PARTI TANPA MENGGIRA PERPECAHAN YANG TIMBUL.

SEBAB ITULAH MAJLIS TERINGGI UMNO DALAM MESYUARATNYA SELAMA LIMA JAM SEMALAM MENUMPUKAN PERBINCANGAN KEPADA PINDAAN PERLEMBAGAAN UNTUK MENYEKAT AMALAN-AMALAN TIDAK SIHAT DALAM PEMILIHAN PEMIMPIN-PEMIMPIN DALAM PARTI, JELAS BELIAU.

KATANYA, SEMENTARA BILANGAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO TERUS MENIGKAT, MEREKA YANG BERPENGETAHUAN MENGENAI PRINSIP DAN MATLAMAT PERJUANGAN PARTI TELAH BERKURANGAN DAN INI MENGAKIBATKAN CARA-CARA BERGERAK DALAM PARTI MULAI MEROSOT. --LAGI

1478MST 07 07 85

0376

B B434 BAH

MAHATHIR 3 KUALA PILAH

DATUK SERI DR MAHATHIR BIMBANG UMNO AKAN KEHILANGAN KEKUATAN DAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI PARTI TULANG BELAKANG KERAJAAN ANDAINYA AMALAN-AMALAN TIDAK SIHAT YANG BERLAKU SEKARANG TIDAK DISEKAT.

PRESIDEN UMNO ITU, SELEPAS MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI PARTI MENGUMUMKAN BAHAWA KES-KES MAHKAMAH YANG MEMBABITKAN PERTIKAIAN SESAMA ANGGOTA UMNO AKAN DITARIK BALIK DAN DISELESAIKAN MENGIKUT SALURAN-SALURAN PARTI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, KETIKA MENJELASKAN KEPUTUSAN ITU HARI INI, BERKATA MAHKAMAH BUKANLAH TEMPAT UNTUK Mencari kemenangan seseorang calon kerana dalam politik kemenangan adalah bergantung kepada sokongan ramai dan bukannya keputusan mahkamah.

SESEORANG CALON YANG KALAH DALAM PERMILIHAN TIDAK PERLU Mencari kemenangan di mahkamah dengan cara membuktikan pemilihan sesuatu jawatan adalah tidak sah kerana jika mereka memimpin tanpa sokongan ramai, mereka tidak akan berjaya.

KEKUATAN SESUATU KUMPULAN ATAU PARTI ADALAH BERGANTUNG KEPADA SOKONGAN RAMAI TERHADAP PEMIMPINNYA, TEGASNYA. -- LAGI

1450MST 07 07 85

MAHATHIR - UMNO 4 KUALA PILAH

KATANYA, AMALAN-AMALAN TIDAK SIHAT DALAM PEREBUTAN JAWATAN MENGAKIBATKAN WUJUDNYA PUK-PUK APABILA PUK YANG KALAH TERUS TIDAK MEMBERI SOKONGAN KEPADA PIHAK YANG MENANG DAN AKIBATNYA, PERPADUAN PARTI TERJEJAS.

PRESIDEN PARTI ITU BAGAIMANAPUN YAKIN, ANASIR-ANASIR DALAM UMNO YANG CUBA MENGGUNAKAN PARTI UNTUK Mencari kekayaan tidak akan berjaya.

KATANYA SYARATNYA IALAH ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SENDIRI HENDAKLAH MENOLAK ORANG-ORANG SEPerti itu kerana untuk membanteras amalannya tidak sihat seperti rasuah, pihak yang menerima juga harus menyedari kesalahan mereka.

KATANYA, ANGGOTA-ANGGOTA UMNO MESTILAH SEDAR BAHAWA PEMIMPIN YANG BAIK AKAN DENGAN SENDIRINYA TERPILIH KERANA KEBOLEHANNYA DAN BUKAN MELALUI PENONJOLAN DIRI ATAU MENABURKAN WANG RINGGIT UNTUK Mendapatkan sokongan.

OLEH ITU, JELAS BELIAU, ADALAH LEBIH BAIK BAGI KEUTUHAN UMNO JIKA AMALAN BERKEMPEN DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH APA LAGI MELALUI CARA-CARA YANG TIDAK SIHAT SEPerti menggunakan wang, DIBERHENTIKAN KERANA PEMIMPIN YANG BAIK HARUS DINILAI SENDIRI OLEH MASYARAKAT DAN BUKANNYA PEMIMPIN ITU SENDIRI.--BERNAMA

1523MST 07 07 85